

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB TUAN LUKANISMAN BIN AWANG
SAUNI (SIBUTI)**

TARIKH : 11 OKTOBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

TUAN LUKANISMAN BIN AWANG SAUNI [SIBUTI] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah langkah Kerajaan untuk mengurangkan harga tiket penerbangan dari Sarawak ke Semenanjung dan Sabah yang sangat mahal ketika pandemik COVID-19 dan apakah langkah pemulihan bagi perkara tersebut.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Penetapan tambang penerbangan domestik oleh syarikat-syarikat penerbangan negara adalah berdasarkan kepada rasionalisasi sektor perkhidmatan udara domestik pada tahun 2006. Dalam hal ini, Jemaah Menteri telah memutuskan bahawa syarikat-syarikat penerbangan negara yang menyediakan perkhidmatan udara domestik diberikan kebebasan dalam menentukan liputan rangkaian (*network coverage*), kekerapan penerbangan dan kadar tambang yang ingin ditawarkan berdasarkan permintaan pasaran.

Harga tiket penerbangan ditentukan menggunakan kaedah dinamik (*dynamic pricing mechanism*) yang antara lain mengambil kira kadar penawaran dan permintaan (*supply and demand*) yang didorong oleh pasaran (*market driven*). Syarikat-syarikat penerbangan negara akan menetapkan kadar tambang penerbangannya dengan mengambil kira permintaan pasaran, keadaan ekonomi serta faktor-faktor lain seperti harga bahan api dan kos operasi.

Di samping itu, syarikat penerbangan juga mempraktikkan konsep *cross-subsidisation* dalam penetapan harga tambang. Mana-mana laluan penerbangan yang mencatatkan keuntungan akan menampung kos operasi laluan-laluan yang tidak mencatatkan keuntungan. Melalui konsep ini syarikat penerbangan mampu menawarkan harga penerbangan yang rendah dan mampu dibeli oleh penumpang.

Pemantauan yang dilaksanakan oleh Suruhajaya Penerbangan Malaysia (MAVCOM) bagi tempoh di antara 26 September 2021 sehingga 2 Oktober 2021, untuk perjalanan selepas 8 Oktober 2021, MAVCOM mendapati penerbangan di antara Kuala Lumpur-Kuching vv telah merekodkan harga tiket yang lebih rendah iaitu di antara 29% sehingga 74% berbanding harga tiket pada tahun 2019. Manakala laluan-laluan lain seperti Kuala Lumpur -Miri vv dan Kuala Lumpur Sibu masih lagi merekodkan harga yang tinggi iaitu di antara RM530 hingga RM1600 untuk sehalu.

SOALAN NO : 7

Bagi laluan Semenanjung ke Sabah pula, berdasarkan pemantauan yang dilaksanakan oleh Suruhajaya Penerbangan Malaysia (MAVCOM) bagi tempoh di antara 26 September 2021 sehingga 2 Oktober 2021, MAVCOM mendapati harga tiket yang lebih tinggi di antara 8% hingga 163% direkodkan berbanding harga tiket pada tahun 2019.

Harga tiket penerbangan yang tinggi ini antara lain merupakan kesan daripada pelaksanaan had kapasiti penerbangan oleh Kerajaan Negeri Sarawak. Pelaksanaan had kapasiti ini adalah sebahagian daripada usaha Kerajaan Negeri Sarawak melalui Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri untuk menangani penularan wabak COVID-19. Pada ketika itu, kekerapan penerbangan ke Sarawak telah berkurangan sebanyak 94% berbanding semasa tempoh sebelum wabak COVID-19.

Manakala, bagi penerbangan di antara Semenanjung dan Sabah, kekerapan penerbangan telah berkurangan sebanyak 89% berbanding semasa tempoh sebelum wabak COVID-19.

Kerajaan Negeri Sarawak melalui Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri pada 24 September 2021 telah bersetuju untuk membenarkan peningkatan kekerapan penerbangan bagi mana-mana laluan di antara Semenanjung Malaysia dan Sarawak daripada 22 penerbangan seminggu kepada 87 penerbangan seminggu. Pada masa yang sama, Kerajaan Negeri Sarawak juga telah bersetuju untuk membenarkan syarikat penerbangan menyediakan perkhidmatan tanpa had kapasiti penumpang. Peningkatan kekerapan dan kelonggaran had kapasiti ini telah berkuat kuasa mulai 8 Oktober 2021.

Harga tiket penerbangan bagi laluan-laluan ke negeri Sabah dan Sarawak dijangka akan kembali ke paras purata apabila jumlah kekerapan penerbangan beroperasi seperti biasa. Sehubungan dengan itu, Kerajaan melalui MAVCOM akan meneruskan pemantauan terhadap harga tiket penerbangan bagi semua laluan penerbangan domestik termasuk laluan-laluan di antara Semenanjung dan Sabah serta Sarawak.